

# Perceraian Secara *Khul'*: Peruntukan Serta Pelaksanaannya Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor (Kajian Kes 1995-1997)

Zaini Nasohah

## Abstract

*Each and every one of a husband and wife in such a marriage hopes that they can live together in harmony. However, there are ways out for couples if they have troublesome with their marriage i.e divorce or separate. What is commonly practised in Muslim society that separation or divorce is inevitable, a husband will divorce his wife. Instead, this article attempts to elaborate in some details another type of divorce known as al-Khul', or in Malay as "tebus talak". It is also discusses views of different madhahib on the validity of khul' as well as provides some provisions on the subject in Muslim Family Law Enactment of Johor with some observation cases reported.*

## Pendahuluan

*Khul'* atau tebus talak adalah dua perkataan yang sinonim, sama ada dari sudut bahasa atau syarak. Keduanya hanya dibezakan dari segi penggunaan istilah. *Khul'* adalah perkataan yang diambil dari bahasa Arab dan diterima pakai dalam bahasa Melayu.<sup>1</sup> Manakala "tebus talak" pula adalah istilah yang digunakan oleh kebanyakan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Ini kerana perkataan tebus itu sendiri adalah berasal dari bahasa Melayu dan apabila ianya dirangkaikan dengan

perkataan talak, ia bererti meminta supaya diceraikan dengan membayar kembali mahar kepada suami.<sup>2</sup> Walaubagaimanapun, kita akan melihat lebih jelas pengertiannya sebagaimana yang dibahaskan oleh para fuqaha'.

### Pengertian *Khul'*

#### a) *Khul'* Menurut Bahasa

Perkataan *khul'* (dengan membaris depangkan huruf *kha* [خ]) bermaksud menghilangkan hubungan suami isteri secara kiasan dan bahasa.<sup>3</sup> Walau bagaimanapun, menurut Muhammad Zakariyya Al-Bardisi, pada kebiasaannya digunakan perkataan *khala'a* (dengan membaris ataskan huruf *al-kha* itu) adalah khusus kepada menanggalkan daripada sesuatu perkara selain dari isteri. Manakala jika ditarik depangkan huruf *kha* pula digunakan bagi maksud khusus kepada menanggalkan daripadanya isteri atau menceraikan isterinya.<sup>4</sup>

#### b) *Khul'* Menurut Istilah Syarak

Istilah *khul'* telah ditafsirkan oleh para fuqaha' dan ulama Islam dengan pelbagai maksud. Namun begitu, kesemua tafsiran mereka membawa erti dan tujuan yang sama. Menurut Imām Shāfi'i,<sup>5</sup> *khul'* ialah perceraian dengan bayaran ganti dengan menggunakan lafadz talak atau *khul'*, seperti suami berkata kepada isterinya: "saya talakkan kamu atau saya *khul'*kan kamu dengan bayaran sekian," lalu isterinya menerima.

Menurut Imām Abū Ḥanīfah<sup>6</sup> pula, *khul'* ialah menghilangkan milik nikah atas persetujuan isteri dengan menggunakan lafadz *khul'* atau perkataan lain yang sama maknanya. Manakala Imām Mālik<sup>7</sup> pula mentakrifkan *khul'* sebagai talak dengan bayaran ganti, sama ada dibayar oleh isteri atau walinya atau lainnya, atau pun perceraian dengan lafadz *khul'*.

Berdasarkan takrifan tersebut, Imām Mālik membahagikan *khul'* itu kepada dua.<sup>8</sup> Pertama, *khul'* sepertimana biasa iaitu perceraian dengan bayaran ganti. Kedua, ialah apa yang sabit dengan menggunakan lafadz *khul'*, walaupun tidak terdapat padanya sesuatu sebagai bayaran ganti. Seperti suami berkata kepada isterinya: "Saya *khul'*kan kamu" atau "Kamu lakukan *khul'*". Dengan lain perkataan *khul'* ialah isteri atau pihak lain (wali atau wakilnya) memberikan kepada suami sesuatu harta dengan sebab menceraikannya atau suami mengambil harta kepunyaan isteri, dan ianya sabit secara talak ba'in.<sup>9</sup>

Maksud talak dalam takrif Imām Mālik ini adalah sama dengan pengertian talak yang diberikan al-Šābūni di dalam bab talak, iaitu satu perceraian yang

*Perceraian Secara Khul': Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor (Kajian Kes)*  
dijatuhkan oleh suami kepada isterinya dengan menggunakan kalimah *tallaqa*  
(طلق) atau *farrqa* (فرق).<sup>10</sup>

Menurut Imām Ibn Hanbal pula,<sup>11</sup> *khul'* ialah perpisahan di antara suami isteri dengan bayaran ganti yang diambil daripada isteri atau selain darinya dengan menggunakan lafadz yang khusus. Sementara Imām Muhammad b. Ismail Al-Kahlānī<sup>12</sup> menyatakan *khul'* sebagai menceraikan isteri dengan imbalan harta.

Selain dari istilah *khul'* untuk perceraian dengan bayaran ganti atau tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh para fuqaha' dan ulama Islam, perceraian dengan cara ini juga dikenali sebagai *fida'* atau tebusan kerana isteri meminta cerai daripada suaminya dengan membayar sejumlah bayaran atau tebusan.<sup>13</sup>

Melihat kepada tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh para fuqaha' dan ulama Islam ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa *khul'* itu adalah memutuskan ikatan perkahwinan suami isteri dengan adanya bayaran balasan dari pihak isteri sebagai menebus talak yang berada dalam hak suami. Hal ini tentulah dapat difahami dengan lebih jelas apabila dirujuk pula kepada pendapat yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Pakistan dalam memutuskan kes *Saddan vs Faiz Buksh* [ILR.21 Lahore: 402] dan kes *Moonshee Buzuloor Rahman vs Lateefun-Nisa* [8, M.I.A.379]. Dalam memutuskan kedua-dua kes ini, Privy Council telah membuat satu kenyataan iaitu :

Perceraian melalui *khul'* adalah sejenis perceraian yang beserta balasan dari kemahuan si isteri yang sanggup atau setuju memberi tebusan kepada suaminya supaya dia dibebaskan dari ikatan perkahwinan itu. Dalam kes seumpama ini, istilah persetujuan adalah unsur utama dalam mengatur perceraian di antara suami dan isteri. Balasan dari si isteri itu mungkin sama ada berbentuk mas kahwin yang pernah diberi oleh suaminya atau sesuatu harta atau manfaat dari harta itu.<sup>14</sup>

Istilah *khul'* juga dikenali sebagai tebus talak ataupun talak yang dibeli oleh isteri dari suaminya kerana terdapat beberapa hal yang tidak menyenangkan isteri terhadap suaminya.<sup>15</sup> Ini jelas dapat dilihat dari punca terjadinya *khul'* dan tuntutan perceraian secara *khul'* yang difailkan di mahkamah-mahkamah. *Khul'* akan berlaku apabila suami tidak mahu menceraikan isterinya dengan kuasa talak yang ada padanya. Sedangkan isteri pula amat bersungguh-sungguh dengan kehendaknya supaya dilepaskan dari ikatan perkahwinan tersebut, tidak kira sama ada kerana sudah tidak tahan lagi untuk hidup bersama, hilang rasa kasih sayang dan hormat pada suami atau merasa benci apabila memandang wajah suami atau pelbagai alasan lain.

Oleh kerana kemahuan yang nekad itulah, secara logik dan praktikalnya,

seorang isteri sanggup membayar tebusan kepada suami sama ada dari mahar yang pernah diterima dari suaminya itu atau sesuatu harta yang lain supaya dia diceraikan oleh suami secara sah dan diakui oleh syarak. Walaubagaimanapun, *khul'* ini tidak dibolehkan hanya semata-mata kerana kemahuan isteri, sekalipun isteri tersebut mampu untuk membayar sejumlah tebusan atau bayaran tinggi. Sebaliknya ia hanya diharuskan dalam perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak.

### Dalil Pensyariatan *Khul'*

*Khul'* adalah diharuskan di sisi kebanyakan ulama apabila manusia memerlukannya dengan wujudnya *shiqāq*, perselisihan dan tidak ada lagi persetujuan di antara suami isteri atau apabila isteri merasa benci kepada suaminya dan tidak senang lagi untuk terus hidup bersamanya disebabkan oleh kejadian fizikalnya atau akhlaknya atau agamanya atau sebab lain yang menyebabkan isteri tersebut tidak lagi mampu menuaikan perintah Allah supaya mentaati suaminya.<sup>16</sup> Keharusan *khul'* ini adalah berdasarkan kepada dalil-dalil al-Quran, hadith Rasulullah s.a.w. dan ijma'.

#### a) Dalil Dari Al-Qur'an

Di dalam al-Quran, terdapat ayat-ayat yang khusus menyentuh tentang talak. Di sebalik ayat-ayat yang menerangkan hukum talak ini, terdapat keterangan tentang keharusan tebus talak atau *khul'* ini. Firman Allah (bermaksud):<sup>17</sup>

*“Talak (yang boleh dirujuk) dua kali. Setelah itu bolehlah ia (rujuk dan) dipegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau dilepaskan (diceraikan) dengan cara yang baik. Dan tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali kalau kedua-duanya (suami isteri) khuatir tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah. Jika kamu khuatir bahawa kedua suami isteri tidak dapat menuaikan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas keduanya tentang balasan yang diberikan oleh isterinya untuk menebus dirinya. Itulah hukum-hukum Allah. Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah, mereka itulah orang-orang yang zalim.”*

Ayat di atas menyebutkan bahawa perceraian (yang boleh dirujuk) itu adalah dua kali. Setelah itu hanya boleh dirujuk lagi dengan cara yang makruf atau menceraikan dengan cara yang baik. Allah menyebutkan bahawa “pemberian” yang diberikan oleh suami kepada isterinya adalah haram untuk diambil kembali. Tetapi sesudah itu disebutkan pula satu kekecualian iaitu dibenarkan hanya ketika kedu-

*Perceraian Secara Khul': Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor (Kajian Kes)*  
dua suami isteri itu tidak dapat menegakkan hukum-hukum Allah di antara kedua-duanya.

Maka dalam keadaan inilah suami dibolehkan mengambil suatu harta dari isterinya sebagai ganti melepaskan isterinya dari ikatan perkahwinan.<sup>18</sup> Menurut Imām Mālik, Imām Shāfi'i, Imām Abū Ḥanifah dan Abū Thūr, dihalalkan bagi suami menerima apa-apa bayaran yang dipersetujui oleh isteri sama ada kurang daripada mas kahwin atau melebihi mas kahwinnya.<sup>19</sup> Terdapat juga firman Allah dalam ayat lain yang menerangkan tentang hukum *khul'*:<sup>20</sup>

*"Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baru) mengantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun daripada harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (menyebabkan) dosa yang nyata?"*

Ayat di atas secara jelas menegah suami mengambil harta daripada isterinya dengan maksud hendak menceraikannya jika *nushūz* yang berlaku adalah berpunca dari suami. Ayat tersebut juga melarang suami dari bertindak zalim dan menganiaya isterinya dengan tujuan supaya isterinya itu berusaha menebuskan diri apabila suami bercadang hendak menggantikan isterinya itu dengan isteri yang lain, sedangkan pada hakikatnya, isteri yang dizalimi itu tidak mempunyai sebarang niat untuk berpisah dengan suaminya.

Kedua-dua ayat yang telah disebut di atas merupakan sandaran dan sumber kepada keharusan hukum "tebus talak", di samping ḥadīth-ḥadīth dan ijma' ulama yang yang akan dibincangkan. Namun begitu, terdapat ulama seperti Abū Bakr b. 'Abd Allāh al-Muzāni<sup>21</sup> yang tidak bersetuju tentang berterusannya pensyariatan "tebus talak" atau *khul'* ini dengan alasan bahawa surah al-Baqarah, ayat 229 yang dinyatakan di atas telah dinasakhkan oleh ayat 20 dan 21 dari surah al-Nisā' (bermaksud):<sup>22</sup>

*"Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baru) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun daripada harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (menyebabkan) dosa yang nyata? Dan bagaimana kamu tergamak mengambilnya kembali (pemberian itu) pada hal kasih mesra kamu itu terjalin*

*antara satu sama lain dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu)  
telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?"*

Walaubagaimanapun jumhur ulama menegaskan bahawa larangan mengambil mana-mana pemberian yang diberi kepada isteri itu ialah jika tanpa kerelaannya tetapi jika dia rela maka hukumnya adalah harus. Menurut riwayat Sa'īd b. al-Musayyab bahawa *khul'* itu dianggap talak raj'i dan suami wajib memulangkan bayaran ganti yang telah diambil pada masa dia merujuk isterinya yang *dikhul'* itu.<sup>23</sup> Ini bermakna *khul'* itu adalah satu cara perceraian di antara suami isteri yang wujud secara sah menurut syarak.

Berdasarkan kepada dalil dan alasan-alasan yang digunakan oleh golongan yang mengharuskan *khul'* sama ada dengan sebab tertentu atau tidak, maka tertolaklah pendapat golongan yang mengatakan bahawa hukum *khul'* itu telah dinasakhkan. Jumhur berpegang kepada kedua-dua dalil dari surah al-Baqarah, ayat 229 dan surah al-Nisā', ayat 20, di samping ayat-ayat lain sebagai sandaran kepada keharusan *khul'* dalam Islam. Manakala perbezaan pendapat dalam mentafsirkan maksud ayat "Sekiranya kamu khuatir tidak dapat menjalankan hukum-hukum Al-lah", tidak menghalang kedua-dua golongan yang berselisih itu untuk terus berpegang kepada keharusan pelaksanaan hukum *khul'* dalam Islam.

### b) Dalil Dari Ḥadīth Nabi s.a.w.

Terdapat banyak ḥadīth yang menunjukkan kepada pensyariatan *khul'*. Keseluruhan ḥadīth tersebut menceritakan tentang isteri Thābit b. Qays b. Shammās yang menuntut *khul'* dari suaminya, melalui periyawatan yang berbeza.<sup>24</sup> Isteri Thābit itu dalam sesetengah ḥadīth disebutkan sebagai Jamilah bint Salūl (menurut orang-orang Madinah), ada yang mengatakan Habibah bint Sahl (sepertimana menurut orang-orang Basrah) dan mengikut Abū Zubayr pula adalah sebagai Zainab. Sementara hadith riwayat al-Rabi' dalam Ibn Majah dan al-Nasa'i pula menyebutnya sebagai Maryam. Walau bagaimanapun, keseluruhan riwayat tentang isteri Thābit ini adalah hampir sama. Antaranya ialah apa yang diriwayatkan oleh Imām al-Nasā'i dan lainnya daripada Ibn 'Abbās:<sup>25</sup>

Maksudnya: "Bahawa isteri Thābit b. Qays telah datang kepada Nabi s.a.w., seraya berkata: Ya Rasul Allah, aku tidak mengingkari Thabit b. Qays disebabkan oleh akhlaknya dan tidak pula kerana agamanya. Tetapi aku benci kekufuran dalam Islam. Maka Rasul s.a.w, bersabda; Apakah kamu sanggup mengembalikan kebunnya. Jawab isteri Thābit: Ya. Lalu Rasul s.a.w, bersabda (kepada Thabit) terimalah kebun itu dan talakkanlah dia dengan satu talak."

Kebun yang dimaksudkan oleh Rasul s.a.w di dalam ḥadīth di atas adalah

### *Perceraian Secara Khul': Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor (Kajian Kes)*

kebun yang diberikan oleh Thābit b. Qays kepada isterinya sebagai mahar perkahwinan mereka. Sedangkan Thābit b. Qays dalam ḥadīth yang dinyatakan adalah tokoh sahabat, khatīb terkenal di kalangan Anṣār dan khatīb Nabi s.a.w, berasal dari suku Khazraj, ikut bertempur dalam perang Uhud dan lainnya. Rasulullah s.a.w pernah mengakui bahawa dia akan masuk syurga. Maka dengan sebab itulah isterinya mengadu kepada Rasulullah bahawa dia tidak membenci suaminya Thābit b. Qays kerana agamanya mahupun kerana akhlaknya.

Akan tetapi badan Thābit b. Qays itu sebenarnya menurut ḥadīth Ibn Mājah dari ‘Amr b. Syu‘ib<sup>26</sup> berbau busuk. Perawakkannya pula buruk dan menyeramkan, sehingga isterinya khuatir akan durhaka kepadanya sekiranya mereka terus berdampingan sebagai suami isteri.<sup>27</sup> Hakikatnya, hal inilah yang dimaksudkan oleh isteri Thābit itu sebagai “saya benci akan kekufuran dalam Islam”, kerana bimbang akan timbulnya sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti *nushūz* dan sebagainya. Ini jelas dapat dilihat melalui kata-kata Jamīlah, isteri Thābit bermaksud:<sup>28</sup>

“Kalaulah tidak kerana takut kepada Allah, setiap kali dia mencampuriku, nescaya akan ku ludah mukanya.”

Peristiwa ini merupakan pelaksanaan hukum *khul'* yang pertama dalam Islam, walaupun terdapat pendapat yang mengatakan bahawa *khul'* itu sudah terjadi semasa zaman jahiliyyah. Dalam satu peristiwa, Amir b. al-Ḥārith telah mengahwinkan anak gadisnya dengan anak saudaranya, Amir d. Dhārib. Apabila isterinya itu masuk ke rumah Amir mendapatkan suaminya, seketika kemudian dia melarikan diri. Kejadian ini diadukan oleh Amir kepada mertuanya. Maka dijawab oleh mertuanya, “Aku juga tidak setuju kau kehilangan isterimu dan hartamu. Maka biarlah aku pisahkan dia dari kamu dengan mengembalikan apa yang pernah kamu berikan kepadanya.”<sup>29</sup>

#### c) Dalil Dari Ijma'

Jumhur ulama sepakat tentang wujudnya pensyariatan *khul'*, kecuali Abū Bakr b. ‘Abd Allāh al-Muzānī yang bersetuju asalnya tetapi menentang berterusannya hukum *khul'* dengan adanya ayat 20 dan 21 surah al-Nisā’. Keharusan melakukan *khul'* ini dikuatkan dengan kata-kata Imām Mālik yang berbunyi:

“Aku sentiasa mendengar perkara ini daripada ahli ilmu, kami sepakat tentang ini, iaitu seorang lelaki yang tidak menyiksa isterinya dan tidak menyakitinya lalu isterinya hendak berpisah dari suaminya, maka ketika itu halal bagi suaminya mengambil balasan sebagaimana kes Thābit b. Qays. Sebaliknya jika suami yang

menyiksa isterinya maka suami mesti mengembalikan semua apa yang dari isterinya.”<sup>30</sup>

Manakala menurut Imām Shāfi‘ī pula, *khul'* hukum asalnya adalah makruh sepetimana hukum talak.<sup>31</sup> Selain dari itu, dalam *Sunan al-Bayhaqī* ada dinyatakan bahawa ‘Umar b. al-Khattāb pernah berkata:

“Apabila perempuan mahukan *khul'*, maka, janganlah kamu mengingkari mereka.”<sup>32</sup>

Ijma‘ fuqaha’ tentang pensyariatan hukum *khul'* adalah bersandarkan kepada dalil dari al-Quran dan al-Sunnah sepetimana yang telah diterangkan sebelum ini. Maka jelaslah bahawa *khul'* itu adalah diharuskan dalam perundangan Islam. Ianya merupakan keistimewaan yang menjadi hak isteri dalam sesuatu perkahwinan, berbeza dengan suami yang dikurniakan kuasa talak. Ini bertepatan dengan firman Allah (bermaksud):<sup>33</sup>

“Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya.”

Ayat di atas menerangkan bahawa para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya. Maka dengan sebab itu jugalah wanita diberi hak yang sama seperti yang dimiliki oleh lelaki, menurut peraturan-peraturan tertentu dengan penuh keadilan sejajar dengan sifat Allah yang Maha Adil lagi Maha Penyayang.

### Peruntukan *Khul'* Menurut Undang-undang Keluarga Islam 1990 Negeri Johor

Peraturan-peraturan mengenai perceraian secara *khul'* bagi negeri Johor telah diperuntukkan melalui seksyen 48 (1) - (4) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor yang diluluskan pada tahun 1990. Antara lain, seksyen tersebut memperuntukkan bahawa:

Jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talak dengan kerelaannya sendiri, tetapi pihak-pihak itu bersetuju bercerai dengan cara penebusan atau tebus talak, mahkamah hendaklah selepas bayaran talak dipersetujui dan telah dijelaskan oleh pihak-pihak itu, mengarahkan suami itu melafazkan perceraian dengan cara penebusan dan perceraian itu adalah *Bā'in Sughrā* atau tidak boleh rujuk.

Selain daripada itu, mahkamah hendaklah merekodkan cerai tebus talak itu dengan sewajarnya dan menghantarkan satu salinan rekod tersebut yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Walaubagaimanapun, jika jumlah bayaran tebus talak tidak dipersetujui oleh pihak-pihak yang terbabit, maka mahkamah bolehlah mentaksirkan dan menentukan jumlah bayaran tebus talak itu mengikut hukum syarak dengan memberi pertimbangan kepada taraf serta sumber kewangan isteri.

Peruntukan juga menyebut bahawa sekiranya suami tidak bersetuju bercerai dengan cara penebusan atau tidak hadir di hadapan mahkamah sebagaimana diarahkan, atau jika mahkamah berpendapat bahawa kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian, mahkamah hendaklah melantik suatu jawatankuasa (Hakam) di bawah seksyen 46 (5) enakmen yang sama dan seksyen tersebut hendaklah dipakai sewajarnya.<sup>34</sup>

Dalam yang hal yang berkaitan, seksyen 47 pula memperuntukkan bahawa keputusan cerai secara *khul'* boleh diputuskan jika para hakam (pendamai) mendapati perkara *shiqāq* atau pertikaian itu berpunca daripada pihak isteri dan tiada harapan lagi untuk didamaikan melainkan dengan cerai. Hakam-hakam yang dilantik hendaklah membuat keputusan cerai satu talak *bā'in sughrā* dengan *khul'*.<sup>35</sup>

Di samping itu, berdasarkan kes-kes perceraian yang telah diputuskan menunjukkan bahawa cerai secara *khul'* boleh juga berlaku melalui tuntutan cerai *ta'liq* ataupun lebih dikenali di mahkamah ini dengan *khul' ta'liq*. Ia hanya akan berlaku dengan dua sebab sepertimana yang termaktub dalam lafaz *ta'liq nikah*.<sup>36</sup> Pertama apabila suami meninggalkan isterinya selama empat bulan berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau dipaksa serta tidak memberi nafkah kepada isterinya secara langsung atau melalui wakilnya dalam masa empat bulan atau lebih itu, sedangkan isteri yang ditinggalkannya itu tetap taat padanya.

Kedua, apabila suami melakukan kemudaratan terhadap tubuh badan isterinya atau kehormatannya atau harta bendanya. Apabila terdapat salah satu dari sebab tersebut, pihak isteri yang terlibat tadi berhak untuk memohon *khul' ta'liq* bagi melepaskan dirinya dari ikatan suami isteri dengan membayar sebanyak RM1.00 sebagai tebusan sepertimana yang terkandung dalam lafaz *ta'liq* yang tercatat di setiap sijil perkahwinan di Negeri Johor sekarang.

**Statistik Kes Perceraian Secara *Khul'* di Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bharu (1995-1997)**

Tahun Daerah	1995	1996	1997
Johor Bahru	1	-	-
Pontian	1	-	-
Mersing	1	-	1
Kota Tinggi	-	-	-
Kluang	1	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>-</b>	<b>1</b>

Sumber: Semakan Fail Perceraian Secara *Khul'* Mengikut Daerah, tahun 1995-1997.

Catatan : Daerah-daerah yang dinyatakan di atas sahaja yang berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru.

Bagi kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru dari tahun 1995-1997 terdapat satu kes *khul'* yang berlaku di daerah Johor Bahru pada tahun 1995. Terdapat juga beberapa kes serupa yang berlaku di daerah lain dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah yang sama di Johor Bahru. Daerah Pontian mencatat satu kes, Mersing dua kes dan Kluang satu kes iaitu pada tahun 1995. Jumlah keseluruhan kes *khul'* selama tiga tahun tersebut merangkumi lima daerah hanya lima kes sahaja.

**Catatan Kes dan Ulasan**

**Kes Fuzita bt. Ahmad lwn. Ramlie b. Latiff. (Kes Mal 266 / 95)**

**Fakta kes:**

Kes ini pada asalnya difailkan dan dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Pontian bermula pada April 1995 atas tuntutan memohon cerai ta'liq kerana mendakwa ditinggalkan serta tidak diberi nafkah sebagaimana dalam lafadz ta'liq. Namun Mahkamah telah memutuskan untuk menolak permohonan tersebut kerana tidak cukup bukti. Walaubagaimanapun plaintiff, Fuzita telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru supaya kesnya didengar semula.

Namun begitu, semasa perbicaraan sedang didengar semula, pihak Mahkamah mengingatkan plaintiff bahawa tidak terdapat sebab-sebab yang relevan yang

*Perceraian Secara Khul': Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor (Kajian Kes)*

membolehkan plaintif diceraikan sama ada melalui peruntukan ta'liq mahupun *fasakh*. Pihak defendant pula bertegas tidak mahu menceraikan plaintif melalui kuasa talak yang ada padanya. Defendant telah memohon kepada Mahkamah supaya memerintahkan pihak plaintif menuntut cerai dengan cara tebus talak atau *khul'* jika plaintif tetap berkeras untuk bercerai, dengan bayaran sebanyak RM10,000, di samping memenuhi beberapa tuntutan defendant yang lain.

Setelah melalui beberapa sesi perbicaraan dan membuat pertimbangan hujah kedua belah pihak, Mahkamah telah memutuskan:

- 1) Mahkamah membenarkan defendant menceraikan plaintif di bawah peruntukan seksyen 48, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1990 Negeri Johor, iaitu tebus talak.
- 2) Atas persetujuan kedua-dua pihak, plaintif dikehendaki membayar wang berjumlah RM3,500.00 sebagai bayaran tebus talak kepada defendant.
- 3) Defendant bersetuju supaya plaintif membayar wang tebusan *khul'* sebanyak RM2,000.00 pada hari kes diputuskan dan bakinya secara beransur-ansur sehingga 31 Disember 1996 melalui peguam masing-masing.
- 4) Atas persetujuan kedua belah pihak, hal-hal lain yang dituntut berhubung perceraian tersebut akan diselesaikan sama ada melalui rundingan di luar Mahkamah atau difailkan secara berasingan di Mahkamah yang sama selepas perceraian disabitkan.
- 5) Plaintiff dikehendaki menjalani tempoh 'iddah selama tiga kali suci ('iddah talak)

Berdasarkan penelitian penulis terhadap fakta-fakta kes dan perjalanan perbicaraan yang direkodkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru ini, penulis berpendapat bahawa perceraian secara *khul'* antara plaintiff dan defendant adalah bermula kehendak plaintiff yang ingin membebaskan dirinya dari ikatan perkahwinan bersama defendant. Ini jelas dapat dilihat melalui kesungguhan plaintiff berusaha ke arah itu dengan mencari pelbagai sebab. Plaintiff juga akhirnya telah menerima cadangan defendant agar membayar tebus talak sekiranya ingin diceraikan. Mahkamah tidak mendapati sebarang bukti yang menunjukkan bahawa defendant ada menganiaya plaintiff atau melakukan sesuatu perkara yang boleh menyebabkan isterinya terdorong meminta cerai.

Pekerjaan defendant sebagai seorang askar juga sebenarnya menyebabkan mereka tinggal berjauhan serta sukar untuk kerap bertemu. Dalam kes ini juga dapat diperhatikan walaupun pihak suami berhak menentukan kadar *khul'* yang perlu dibayar oleh isteri, namun Mahkamah tetap menimbang jumlah sewajarnya

berdasarkan kepada fakta kes yang dikemukakan serta kemampuan dan keperluan isteri. Tindakan tersebut memang dikehendaki oleh syarak dan jelas selaras dengan keadilan yang cuba digariskan olehNya. Keputusan dibuat setelah Mahkamah berpuas hati bahawa pihak-pihak yang terlibat bersetuju dan mampu untuk melaksanakan perintah Mahkamah yang diputuskan tanpa ada unsur-unsur penganiayaan.

Di samping itu, oleh kerana pihak plaintif tetap meminta cerai serta enggan berdamai dan defendant sendiri yang telah bersetuju menceraikan plaintif secara *khul'* maka mahkamah tidak perlu lagi merujuk seksyen 48 (4) enakmen yang sama iaitu melantik Jawatankuasa Pendamai sebagai usaha akhir untuk mendamaikan. Peruntukan tersebut menyatakan:

Jika suami tidak bersetuju bercerai dengan cara penebusan atau tidak hadir di hadapan Mahkamah sebagaimana diarahkan, atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian, Mahkamah hendaklah melantik suatu jawatankuasa di bawah seksyen 46 (5) dan seksyen itu hendaklah dipakai sewajarnya.

#### **Kes Zalina bt. Mohd Yasin lwn. Andra b. Rahim (Kes Mal 20 / 97)**

##### **Fakta Kes:**

Kes ini agak berbeza dengan kes sebelumnya di mana ia telah tidak mengambil masa yang lama untuk diputuskan. Kes ini difailkan terus di bawah peruntukan seksyen 48 iaitu perceraian secara *khul'*. Kedua-dua pihak juga tidak mengemukakan sebarang tuntutan atau dakwaan lain sepanjang perbicaraan dijalankan. Selain dari itu, tidak ada juga sebarang perselisihan atau pertengkaran yang dilaporkan berlaku sama ada di dalam maupun di luar mahkamah.

Pasangan dalam kes ini telah hidup bersama sebagai suami isteri selama kira-kira tiga tahun. Kedua-dua pihak mendapati bahawa mereka tidak lagi bersefahaman dan mustahil untuk meneruskan kehidupan sebagai suami isteri. Plaintiff dan defendant ada membuat perbincangan sesama sendiri untuk bercerai, namun defendant telah enggan menggunakan kuasa talak sebagai suami. Sebaliknya ia bersetuju menceraikan plaintiff secara *khul'* setelah dicadangkan oleh plaintiff. Hasil perbincangan yang dibuat juga, plaintiff dan defendant bersetuju dengan jumlah RM2,000 sebagai tebusan *khul'*. Semua persetujuan tersebut dinyatakan didalam penyata tuntutan masing-masing dan sebab yang dinyatakan hanyalah kerana tidak ada persefahaman lagi.

Semasa perbicaraan dijalankan, mahkamah ada menasihatkan untuk berdamai. Mahkamah juga menasihatkan sekiranya tetap mahu berpisah agar mereka bercerai

*Perceraian Secara Khul': Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor (Kajian Kes)* secara biasa iaitu melalui kuasa talak pada defendant. Namun kedua-dua pihak menolak dan tetap dengan persetujuan perbincangan awal yang telah mereka buat.

Setelah mendengar keterangan dari kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan defendant menceraikan plaintiff secara *khul'*. Mahkamah juga menetapkan jumlah *khul'* sebanyak RM 2,000 dan dibayar secara tunai. Selepas talak *khul'* dijatuhkan oleh defendant, mahkamah memerintahkan plaintiff menjalani 'iddah selama tiga kali suci.

Oleh kerana pihak-pihak terlibat dalam kes ini telah sama-sama bersetuju untuk bercerai secara *khul'* sejak kes ini belum difaiklan lagi, maka kes ini memang wajar terus dirujuk kepada seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1990 (Johor) yang memperuntukkan:

Jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talak dengan kerelaannya sendiri, tetapi pihak-pihak itu bersetuju bercerai dengan cara penebusan atau cerai tebus talak, Mahkamah hendaklah selepas jumlah bayaran tebus talak dipersetujui dan telah dijelaskan oleh pihak-pihak itu, mengarahkan suami itu melafazkan perceraian dengan penebusan dan perceraian itu adalah ba'in sughra atau tidak boleh dirujukkan.

Dilihat dari sudut syarak pula, kes ini termasuk dalam kategori perceraian secara *khul'* dengan sebab khuatir tidak dapat menegakkan atau melaksanakan hukum-hukum Allah terhadap manusia sebagai suami isteri. Ia berlaku kerana persefahaman sudah tidak ada dalam semua hal, bahkan keadaan tidak dapat dibaiki lagi. Firman Allah (bermaksud):<sup>37</sup>

*"Dan tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali kalau kedua-duanya (suami isteri) khuatir tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan Allah. Jika kamu khuatir bahawa kedua suami isteri tidak dapat menunaikan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas isterinya untuk menebus dirinya."*

Berdasarkan ayat di atas, jelas bahawa perceraian yang berlaku dalam kes ini adalah diharuskan bagi menjaga hukum-hukum Allah sebagai suami isteri daripada dilanggar. Ia juga selaras dengan maksud hadith Rasulullah s.a.w kepada Thabit; "...terimalah kebun itu dan ceraikanlah ia dengan satu talak".

## Penutup

Meskipun kuasa talak di tangan lelaki sebagai seorang suami yang membolehkan mereka memilih sama ada ingin terus bersama isterinya atau menceraikannya, ini tidak bermakna isteri tidak mempunyai apa-apa hak. Sebaliknya kaum isteri juga dikurniakan Allah hak untuk menebus dirinya dari perkahwinan, melalui *khul'* jika terdapat sebab-sebab tertentu yang mengharuskannya berbuat demikian. Namun begitu meminta cerai tanpa sebab atau alasan munasabah adalah dilarang.

*Khul'* juga merupakan satu bukti bahawa syariat Islam itu adil termasuk dalam hal kekeluargaan dengan mengurniakan hak-hak yang seimbang. Ini bertepatan dengan janji Allah dalam firmanNya dalam surah al-Baqarah ayat 228 (bermaksud):

*“Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya”.*

Meneliti pelaksanaannya di Mahkamah Syariah sekarang, enakmen pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri mempunyai peruntukan yang jelas tentang *khul'* dan ia menepati apa yang ditegaskan dalam syarak.<sup>38</sup> Bagi Negeri Johor umpamanya, kes-kes yang telah diputuskan juga menunjukkan bahawa peruntukan *khul'* tersebut dijadikan pilihan terakhir sekiranya pihak suami tetap enggan menceraikan isteri dengan cara talak biasa. Namun demikian berdasarkan kepada statistik, nampaknya kes-kes perceraian sebegini jarang berlaku. Apa yang lebih banyak diputuskan adalah kes-kes melibatkan *khul' ta'liq* di bawah seksyen 49 di dalam peruntukan cerai *ta'liq*.

## Nota Hujung

1. Teuku Iskandar etl, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 626.
2. *Ibid*, hlm. 1310.
3. 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *al-Fiqh 'Alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubra, Mesir, 1969, hlm. 387.
4. Muhammad Zakariyya al-Bardīsī, *Aḥkām fī al-Āhwāl al-Shakhsiyah fī al-Islām*, Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, Mesir, 1967, cet. 2, hlm. 429.
5. Muhammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj*, Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, Mesir, 1957, juz' 3, hlm. 262.
6. 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *al-Fiqh 'Alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, Mesir, 1969, hlm. 387.
7. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Dār al-Fikr, Damsyik, 1989, juzu' 7, hlm. 480.
8. *Ibid*, hlm. 481.
9. Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit*, Dār al-Fikr, Damshiq, 1989, Juzu' 7, hlm. 480-481.
10. 'Abd al-Rahmān al-Sābūnī, *Madā Ḥurriyat al-Zawjaiyin fī al-Talāq*, Dār al-Fikr, Mesir, 1968, cet. 2, hlm. 387.
11. Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit*, Dār al-Fikr, Damshiq, 1989, juzu' 7, hlm. 481.
12. Al-Kahlānī, al-Sayyid al-Imām Muhammad b. Ismā'īl, *Subul al-Salām*, Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, Mesir, 1960, Jld. 3, hlm. 166.
13. Muhammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *al-Iqnā' fī Alfāz Abī Shujā'*, Dār wa Maṭābi' al-Shā'b, Kaherah, 1966, jld. 3, hlm. 95
14. K.N. Ahmad, *Muslim Law Divorce*, Terbitan Nusrat Ali Nasri, New Delhi, 1984, cet. 3, Bab. 12, hlm. 259.
15. Idris Ahmad, Hj, *Fiqh al-Shafi'i*, Penerbit Widjaya, Jakarta, 1960, hlm. 259
16. Wahbah al-Zuhaylī, Dr, *op.cit*, Dar al-Fikr, Damshiq, 1989, Juzu' 7, hlm. 480
17. al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2: 229
18. Mohamed Akhir b. Yaacob, "Tuntutan Khul' Isteri", *Jurnal Hukum*, Jld. 2 . Bhg. 1 & 2, Disember, 1987, Cet. 2, hlm. 196.
19. Ahmad al-Ghandur, *al-Talāq*, Dār al-Ma'arif, Mesir, 1967, Cet. 1, hlm. 262.
20. al-Qur'an, Surah al-Nisā', 4: 20
21. Mohamed Akhir b. Yaacob, "Tuntutan Khul' Isteri", *Jurnal Hukum*, Jld. 2, Bhg. 1&2, 1987, hlm. 198.

22. al-Quran, Surah al-Nisā', 4: 20-21
23. Hassan Salleh, *Asas Kekeluargaan Islam Bahasan 4 Mazhab: Shafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 167.
24. Sunan al-Nasā'ī, Juz. 6, Beirut, t.th, hlm. 168-170.
25. *Ibid*, hlm. 169; Muhammad Husin al-Dhahabī, *al-Ahwāl al-Shakhṣiyah fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, Dār al-Kutub al-Hadīthah, t.tp, 1968, hlm. 307-308.
26. *Sunan Ibn Mājah*, t.pt, t.tp, t.th, Juz. 1, hlm. 663.
27. H.A Fuad Said, *Perceraian Menurut Hukum Islam*, Pustaka al-Husna, Jakarta, 1994, hlm. 98.
28. *Ibid*; *Sunan Ibn Mājah*, Juz. 1, hlm. 663.
29. Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Kuwait, 1971. Juz. 2, hlm. 94.
30. Al-Qurtubī, *al-Jami‘ li al-Āhkām al-Qur’ān*, Maktabah al-‘Arabiyyah, Mesir, 1967, Cet. 3, hlm. 139.
31. ‘Abd Al-Rahmān al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, Dār al-Kitāb, Mesir, t.th, Juz. 4, hlm. 353.
32. Mohamed Akhir b. Yaacob, “Tuntutan *Khul‘* Isteri”, *Jurnal Hukum*, Jld. 2, Bhg. 1 & 2, 1987, hlm. 204.
33. Al-Qur’ān, Surah al-Baqarah, 2: 228.
34. Mahkamah hendaklah melantik seberapa segera yang boleh, suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang pegawai agama sebagai pengurus dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri, dan merujukkan kes itu kepada jawatankuasa ini.
35. Seksyen 47 (8). Kes perceraian seperti dalam peruntukan ini belum pernah berlaku.
36. Umpamanya dalam kes *Fuzita bte. Ahmad lwn. Ramli b. Latif*, Kes Mal No. 266 Tahun 1995, plaintif (Ruzita) pada awalnya memohon diceraikan melalui cara ini di Mahkamah Rendah Syariah tetapi permohonannya ditolak kerana tidak cukup bukti.
37. Al-Qur’ān, Surah al-Nisā' 4: 4.
38. Selangor, s. 49; Wilayah Persekutuan, s. 49; Sarawak, s. 47; Terengganu, s. 46; Sabah, s. 49; Perlis, s. 49; Kelantan, s. 36; Pahang, s. 49.